



SIARAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

MAJLIS SAMBUTAN HARI BUMI TAHUN 2023 PERINGKAT NEGERI SARAWAK

11 FEBRUARI 2023 (SABTU)

11 Februari 2023, Kuching: sambutan Hari Bumi dibuat di seluruh negara pada setiap tahun iaitu pada tanggal 22 April. Sambutan Hari Bumi pada tahun ini bertemakan 'Invest in Our Planet' atau 'Melabur di Bumi Kita' membawa pengertian bahawa sudah tiba masanya untuk setiap penghuni di muka bumi ini bersatu padu dalam memelihara dan melindungi kesihatan, keluarga dan kehidupan kita dengan melabur dalam kesejahteraan bumi ini ke arah mencapai masa hadapan yang lebih hijau, makmur dan mampan.

Sambutan Hari Bumi diraikan pada setiap tahun seluruh dunia sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Jabatan Alam Sekitar pada setiap tahun telah terlibat dalam penganjuran program-program kesedaran alam sekitar sempena Sambutan Hari Bumi sebagai usaha dalam meningkatkan kesedaran masyarakat di Malaysia terhadap alam sekitar.

Pertandingan rekacipta yang merupakan antara program utama sambutan hari bumi peringkat Negeri Sarawak 2023. Program ini di sertai oleh warga golongan istimewa daripada beberapa pusat penjagaan golongan OKU. Ia adalah salah satu usaha mengurangkan pelupusan sisa domestik di tapak pelupusan sampah. Sisa buangan ini di kitar semula sebagai bahan rekabentuk dan diolah menjadi produk lain yang boleh digunakan semula. Program ini bertepatan dengan tema sambutan tahun ini, melabur semua di bumi.

Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (BEE) Isi Rumah yang mensasarkan komuniti setempat di mana orang ramai digalakkan mengumpul dan menyerahkan BEE kepada syarikat yang telah dilesenkan oleh JAS untuk diproses dengan sewajarnya tanpa mencemarkan alam sekitar ekoran daripada aktiviti pembuangan bahan-bahan e-waste tanpa kawalan. Program pengumpulan BEE ini dijalankan selama dua hari pada 11 dan 12 Mac 2023.

TAMAT